

# HURUF RINGKAS DAN COVID-19

**HURUF ringkas ialah penyingkatan atau kependekan huruf pertama daripada serangkaian perkataan. Huruf-huruf berkenaan digandingkan untuk membentuk satu gabungan bunyi huruf sebagai kependekan atau singkatan rangkaian perkataan berkenaan.**

HURUF ringkas yang terhasil bukanlah satu perkataan yang utuh kerana tiada suku kata yang dibina. Yang dilafazkan ialah nama huruf berkenaan sehingga menjadi satu sebutan umum. *Kamus Dewan Edisi Keempat* memberikan contoh huruf ringkas KL untuk Kuala Lumpur.

Semasa negara menangani pandemik COVID-19, ada beberapa huruf ringkas yang digunakan untuk memudahkan orang ramai cakna terhadap wabak ini. Ada huruf ringkas yang sememangnya telah dikenali umum dan ada yang diperkenalkan semasa isu COVID-19 mewabak sama ada huruf ringkas serangkaian perkataan bahasa Inggeris ataupun bahasa Melayu. Ada juga huruf yang digabungkan dengan angka atau nombor sebagai singkatan perkataan yang berkaitan dengan COVID-19. Antara huruf ringkas tersebut adalah seperti yang berikut:

#### **WHO, KKM dan MKN**

Ketiga-tiga huruf ringkas ini merujuk organisasi penting yang berkaitan dengan COVID-19 khususnya di negara ini. Daripada ketiga-tiganya wujud huruf ringkas yang lain yang terlibat secara langsung dalam usaha mengekang penularan wabak COVID-19. WHO ialah huruf ringkas World Health Organization atau Pertubuhan Kesihatan Sedunia. WHO telah mengisytiharkan COVID-19 sebagai pandemik, iaitu

wabak penyakit yang tersebar dengan begitu meluas sama ada hingga ke seluruh wilayah, benua atau dunia. Oleh sebab wabak ini menular dengan pantas dan membimbangkan, WHO menggesa semua negara perlu mengambil tindakan segera dan agresif untuk mengekang serta memerangi virus berkenaan.

Ekoran itu, ada satu lagi huruf ringkas yang berkaitan dengan penularan wabak ini, iaitu PHEIC. Huruf ringkas ini merujuk Public Health Emergency of International Concern atau Darurat Kesihatan Awam Keprihatinan Antarabangsa. Huruf ringkas ini mungkin agak asing dalam kalangan pengguna bahasa. Namun, dalam kalangan pihak yang terlibat secara langsung dengan sektor kesihatan, PHEIC mungkin tidak begitu asing. Sejak tahun 2009, terdapat enam deklarasi PHEIC dan COVID-19 satu daripadanya.

Pada peringkat negara, hal-hal yang berkaitan dengan kesihatan dikawal, diselia, dipantau dan dicegah oleh KKM, iaitu huruf ringkas bagi Kementerian Kesihatan Malaysia. Huruf ringkas ini agak biasa digunakan oleh rakyat Malaysia sementelahan dalam isu COVID-19, KKM melaporkan perkembangan wabak ini setiap hari secara rasmi. Rakyat Malaysia sentiasa menunggu laporan harian KKM yang diterajui oleh Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan. Data, cadangan dan nasihat KKM berkaitan dengan COVID-19 disalurkan kepada kerajaan untuk tindakan selanjutnya.

MKN pula ialah huruf ringkas bagi Majlis Keselamatan Negara. Pada asasnya, MKN bertanggungjawab untuk menyelaraskan dasar yang berkaitan dengan keselamatan dan arah tuju hal-hal keselamatan negara. Dalam isu COVID-19, maklumat keselamatan rakyat dan negara serta langkah-langkah penguatkuasaan beberapa peraturan dan undang-undang terkini disampaikan oleh Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Menteri Kanan (Keselamatan) melalui sidang media yang diadakan pada setiap hari.

Dalam usaha penguatkuasaan peraturan tersebut, pergerakan rakyat dikawal melalui sekatan jalan raya dan kawalan sempadan. Penguatkuasaan ini

Ekoran itu, ada satu  
lagi huruf ringkas  
yang berkaitan dengan  
penularan wabak ini, iaitu  
PHEIC. Huruf ringkas  
ini merujuk Public  
Health Emergency of  
International Concern  
atau Darurat Kesihatan  
Awam Keprihatinan  
Antarabangsa.

dilaksanakan oleh PDRM dan dibantu oleh ATM. Kedua-dua huruf ringkas ini merujuk dua agensi atau jabatan penting yang berperanan untuk mengawal pergerakan rakyat dan memantau keselamatan negara dalam usaha mengekang penularan wabak COVID-19. PDRM ialah huruf ringkas bagi Polis Diraja Malaysia manakala ATM ialah Angkatan Tentera Malaysia. Dua huruf ringkas ini sememangnya telah sebatu penggunaannya dalam kalangan rakyat Malaysia.

Satu lagi perkara yang melibatkan keselamatan negara ialah isu berita palsu. Lazimnya, penafian sebarang berita palsu yang tular dalam media sosial dilakukan oleh KKKM, iaitu huruf ringkas bagi Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Berita dan maklumat yang sahih berkaitan dengan COVID-19 pula disampaikan oleh media rasmi kerajaan, iaitu RTM huruf ringkas bagi Radio Televisyen Malaysia. RTM ialah agensi yang berada di bawah KKKM dan kedua-dua huruf ringkas ini sudah tidak asing lagi dalam kalangan rakyat Malaysia.

**PKP, PKPB, PKPP dan PKPD**

Pendekatan yang digunakan oleh Malaysia untuk memutuskan rantaian COVID-19 adalah melalui

penguatkuasaan PKP, iaitu huruf ringkas untuk Perintah Kawalan Pergerakan. Bermula pada 18 Mac 2020, PKP dikuatkuasakan merentasi beberapa fasa hingga 12 Mei 2020. Tempoh PKP ini disifatkan sebagai peluang untuk rakyat Malaysia membudayakan corak kehidupan mengikut kebiasaan baharu bagi memastikan penjarakan fizikal dan kepentingan menjaga kebersihan terus dijadikan amalan dalam kalangan masyarakat.

PKP dalam fasa seterusnya ialah PKPB, iaitu huruf ringkas Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat yang dilaksanakan hingga 9 Jun 2020. Dalam PKPB ada beberapa kelonggaran syarat PKP tertentu terutama dalam aktiviti ekonomi dan sosial serta dilaksanakan secara terkawal. Mulai 10 Jun 2020 hingga 31 Ogos 2020 pula, PKPP, iaitu huruf ringkas bagi Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan dikuatkuasakan. Dengan penguatkuasaan PKPP, hampir semua kegiatan sosial, pendidikan, keagamaan, perniagaan dan sektor ekonomi akan beroperasi semula secara berperingkat-peringkat dengan pematuhan sepenuhnya terhadap Prosedur Operasi Standard yang telah ditetapkan oleh MKN.

Ada satu lagi huruf ringkas semasa penguatkuasaan PKP, iaitu PKPD huruf ringkas bagi Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat. PKPD dikuatkuasakan di kawasan zon merah sekiranya terdapat pertambahan kes COVID-19 secara mendadak. PKPD membolehkan aktiviti pengesanan dilaksanakan sepanjang tempoh penguatkuasaan langkah tersebut. Semua penghuni di kawasan itu tidak dibenarkan keluar dari kawasan PKPD dan pelawat juga tidak dibenarkan masuk ke kawasan tersebut sepanjang tempoh perintah dikuatkuasakan.

**SOP, 3C/3S, dan 3D**

SOP ialah huruf ringkas bagi *Standard Operating Procedure* atau Prosedur Operasi Standard. MKN akan mengeluarkan SOP dalam sebarang aktiviti rakyat Malaysia sebagai satu garis panduan dalam usaha melawan COVID-19. Bagi Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah

Kesihatan Malaysia, selain SOP yang dikeluarkan oleh MKN, huruf ringkas SOP juga boleh diterjemahkan mewakili huruf pertama setiap ayat yang perlu diamalkan oleh rakyat Malaysia. Menurutny, huruf S merujuk syarat semua fasa PKP mesti dipatuhi, huruf O diterjemahkan sebagai orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya perlu dilindungi dan huruf P merujuk penjarakan fizikal perlu diamalkan sekurang-kurang satu meter. Rakyat Malaysia umumnya amat cakna dengan huruf ringkas SOP dan mengamalkannya dalam sebarang aktiviti harian mereka.

Selain itu, ada juga singkatan yang dibina dengan gabungan huruf dengan angka. Hal ini untuk memudahkan orang ramai mematuhi SOP. Ada singkatan 3C yang merujuk *crowded place* (kawasan yang sesak), *confined space* (kawasan yang sempit), dan *close conversation* (bertutur atau bersembang dengan jarak yang dekat). 3C boleh juga diterjemahkan dalam bahasa Melayu sebagai 3S, iaitu sesak, sempit dan sembang.

Gabungan huruf dengan angka juga hadir dalam singkatan 3W yang merujuk *wash* (kerap mencuci tangan dengan air dan sabun), *wear* (digalakkan memakai pelitup muka di tempat awam atau jika bergejala), dan *warn* (amaran atau peringatan). Amaran atau peringatan yang dimaksudkan termasuklah mengelak bersalaman dan

bersentuhan, mengamalkan etika batuk dan bersin, mendapatkan rawatan segera jika bergejala, duduk di rumah serta mengelak amalan kunjung-mengunjungi. KKM sering kali menasihati orang ramai supaya terus mengamalkan pendekatan 3W dan mengelakkan 3S atau 3C sebagai kebiasaan baharu dalam kehidupan seharian bagi mengawal penularan COVID-19.

#### PPE, BDR dan PA

PPE ialah huruf ringkas bagi *personal protective equipment* atau peralatan perlindungan peribadi. Peralatan ini wajib dipakai oleh petugas kesihatan seperti doktor dan jururawat yang mengendalikan ujian saringan atau pesakit COVID-19 bagi melindungi diri mereka daripada dijangkiti wabak berbahaya itu. Pada peringkat awal negara berhadapan dengan COVID-19, penyediaan PPE turut dibantu oleh penglibatan sukarelawan, pertubuhan bukan kerajaan, swasta dan agensi kerajaan yang ada latar belakang kemahiran menjahit. PPE tidak boleh diulang guna dan perlu dibuang setelah dipakai.

Penjawat awam yang tidak terlibat sebagai barisan hadapan menangani COVID-19, tetap menjalankan tugas dengan cara BDR, iaitu huruf ringkas yang merujuk rangkai kata "bekerja dari rumah". Ada tugas tertentu yang perlu disempurnakan di rumah dan dapat dilaksanakan secara dalam talian. Bagi memastikan urusan jabatan kerajaan

berjalan lancar semasa PKP. KPPA dalam surat edaran JPA menegaskan bahawa ketua jabatan boleh menentukan perkhidmatan penting di kementerian atau jabatan masing-masing dan mengarahkan pegawai terlibat hadir bertugas di pejabat. KPPA ialah huruf ringkas bagi Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam manakala JPA ialah Jabatan Perkhidmatan Awam.

Bagi institusi pengajian tinggi seperti IPG, peperiksaan secara bersemuka, iaitu hadir di dewan untuk peperiksaan akhir semester ditukar kepada PA. IPG ialah huruf ringkas Institut Pendidikan Guru manakala PA ialah kaedah pentaksiran yang dikenali sebagai Pentaksiran Alternatif. Dalam PA, calon tidak perlu hadir di tempat tertentu tetapi boleh menyempurnakan tugasan di rumah atau di mana-mana tempat yang selesai dalam tempoh masa tertentu dengan syarat-syarat tertentu dan menghantar tugasan secara dalam talian.

COVID-19 merupakan pandemik yang berbahaya, namun dari segi bahasa wabak ini telah mempopularkan beberapa huruf ringkas sama ada huruf ringkas itu telah sedia ada atau yang baharu. Huruf ringkas memudahkan penyampaian maklumat daripada MKN dan KKM serta kementerian, jabatan dan agensi kerajaan yang lain dalam usaha menangani wabak ini. Sehingga kini, huruf ringkas ini telah mengakar penggunaannya dalam kalangan rakyat Malaysia. **PB**